

Jenis Akhbar : Berita Harian Online

Tarikh : 23/06/2019

Edisi / Muka surat : www.bharian.com.my

Tajuk : MAAB Urus Wasiat Dengan Nilai Aset RM150 Bilion Menjelang 2025

MAAB Urus Wasiat Dengan Nilai Aset RM150 Bilion Menjelang 2025



DATUK Ahmad Saruji Abdul Aziz

- Ahad, 23 Jun 2019 | 5:03pm

KUALA LUMPUR: MyAngkasa Amanah Bhd (MAAB) menjangkakan pertumbuhan pengurusan pewarisan di negara ini semakin berkembang dan menyasar menguruskan 500,000 penyimpanan wasiat dengan anggaran nilai aset yang bakal ditadbir berjumlah RM150 bilion menjelang 2025.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ahmad Saruji Abdul Aziz, berkata sehingga kini, syarikat pengurusan amanah, wasiat, hibah dan harta pusaka milik Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) itu sudah menguruskan sebanyak 80,000 penyimpanan wasiat dengan nilai harta yang ditadbir kira-kira RM24 bilion.

"Sektor pengurusan pewarisan memiliki pasaran pertumbuhan besar dan semakin berkembang selari dengan jumlah golongan profesional yang semakin meningkat.

"Pengurusan wasiat dan pusaka mempunyai potensi besar tetapi belum diterokai sepenuhnya. Justeru, MAAB berperanan untuk meningkatkan kesedaran itu menerusi pelbagai inisiatif dan strategi yang akan dilaksanakan," katanya dalam satu temu bual di pejabatnya, baru-baru ini.

Ahmad Saruji berkata, setiap individu serta pihak dalam industri pengurusan pewarisan dan kekayaan ini perlu memiliki pengetahuan yang tinggi dalam usaha menyampaikan pemahaman dan memasarkan produk berkaitan kepada pelanggan kerana industri itu dijangka terus menjadi sektor utama pada masa akan datang.

Beliau berkata, bagi mencapai sasaran 500,000 penyimpanan wasiat dalam tempoh lima tahun, MAAB akan memperkasakan kerjasama dengan rakan niaga korporat yang terdiri daripada institusi perbankan, syarikat berkaitan kerajaan dan koperasi.

"Setakat ini, MAAB bekerjasama dengan lebih 25 rakan niaga korporat antaranya Bank Muamalat, Agrobank, Bank Persatuan, Bank Simpanan Nasional (BSN), Affin Bank serta syarikat berkaitan kerajaan seperti Felcra, Tekun Nasional, Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB), Pos Malaysia dan koperasi di bawah Angkasa.

"Kami memiliki sebanyak 1,600 saluran pemasara di seluruh negara untuk memasarkan produk MAAB di seluruh negara serta menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan termasuk di kawasan pedalaman," katanya.

"Dengan sasaran prestasi lebih baik pada tahun akan datang, kami berusaha untuk menambah sehingga 2,500 saluran pada 2025," katanya.

Tambahnya, pertambahan saluran pemasaran itu akan memberi impak positif kepada syarikat bagi mencatatkan keuntungan lebih baik dan memberi kemudahan kepada pelanggan mendapatkan produk daripada MAAB.

Selain kerjasama dengan rakan niaga korporat, MAAB katanya turut memperkukuhkan perkhidmatan mereka menerusi platform laman web.

"Pelanggan kami tidak perlu mengunjungi cawangan MAAB sebaliknya berdaftar di laman web berkenaan dan boleh mengubah kandungan wasiat hanya dalam talian.

"Laman web yang disediakan memiliki ciri keselamatan yang ketat bagi mengelak sebarang unsur penipuan atau kecurian maklumat," katanya.

Pada masa ini katanya, MAAB juga dalam proses membangunkan sistem pusaka menerusi laman webnya bagi membantu pelanggan memeriksa serta mengemaskini status harta pusaka.

"Sistem berkenaan dijangka akan dilancarkan pada Jun ini," katanya.

MAAB ditubuhkan pada 22 Januari 2014 dan produk serta perkhidmatan utamanya adalah pengamanahan korporat, pengamanahan persendirian dan pertadbiran bidang pewarisan.